

**NO. SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENNA ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak-pihak industri telah dirundingkan sebelum Garis Panduan Hiburan Dalam Islam (Edisi Kedua) dikeluarkan dan sama ada pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) berhasrat menggunakan garis panduan tersebut untuk tujuan penguatkuasaan.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Garis Panduan Hiburan Dalam Islam (Edisi Kedua) 2015 yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) disediakan setelah melalui beberapa proses iaitu:

- i. semakan semula terhadap Garis Panduan Hiburan Dalam Islam tahun 2007;
- ii. kajian terhadap perkembangan industri hiburan semasa;
- iii. dan beberapa siri perbincangan dan bengkel dengan pihak-pihak yang berkaitan, iaitu wakil-wakil pihak industri serta mereka yang berkepakaran dalam bidang ini terdiri daripada pensyarah pusat pengajian tinggi dan ulama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan khusus dalam proses penggubalan yang melibatkan wakil pihak industri hiburan telah diadakan sebanyak tiga kali. Mereka yang hadir ialah wakil-wakil Jabatan Penyiaran, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, TV AlHijrah, Majlis Usahawan Nasyid Malaysia (MUNSYID), bekas juri Anugerah Seri Angkasa, Bahagian Media Jakim dan personaliti pengiat seni hiburan.

Objektif Garis Panduan Hiburan Menurut Islam Edisi Kedua ini adalah seperti yang berikut:

- (i) memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan untuk berkarya tanpa melepasi batasan syarak;
- (ii) membantu para penganjur dan pihak penerbit dalam menyusun atur program yang mengandungi aspek hiburan sejajar dengan

didikan Islam dengan mengambil kira keperluan masyarakat, bangsa, agama dan negara;

- (iii) membantu pihak berkuasa untuk memastikan penganjuran program hiburan dalam bentuk tontonan terpimpin kepada masyarakat secara umumnya berteraskan akidah, syariah dan nilai-nilai akhlak; dan
- (iv) memupuk kefahaman di kalangan masyarakat awam mengenai bentuk hiburan yang dianjurkan dalam Islam.

Berdasarkan kepada objektif garis panduan tersebut, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWi) akan mengambil pendekatan dalam bentuk memberi panduan dan nasihat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program-program hiburan di Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 85**

**(a) Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan:**

(i) bilakah perkhidmatan kereta api sektor Dabong-Tumpat akan dipulihkan; dan

(ii) bilakah perkhidmatan sepenuhnya kereta api KL-Tumpat dijangka dipulihkan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir besar yang melanda sektor Pantai Timur bagi laluan Kuala Lipis ke Tumpat pada bulan Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada infrastruktur keretapi dan stokereta di sektor ini serta menyebabkan landasan di sektor ini tidak selamat untuk operasi keretapi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkhidmatan keretapi bagi sektor Dabong-Tumpat serta KL-Tumpat hanya akan dapat kembali beroperasi setelah pemuliharaan infrastruktur keretapi dan stokereta yang menyeluruh bagi sektor Pantai Timur terutama bagi kawasan yang terjejas dengan banjir iaitu dari Kuala Lipis ke Tumpat disiapkan. Melalui program pemuliharaan ini, tempoh menyiapkan akan mengambil masa dari 12 bulan sehingga 24 bulan. Program pemuliharaan ini dijangka akan mula dilaksanakan pada Ogos 2015.

Permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan pelaksanaan secara tender telah dikemukakan dan proses pelawaan tender akan dilaksanakan dengan kadar segera.